

Guru mengaku tidak bersalah 18 pertuduhan amang seksual



LIMBANG: Seorang guru sekolah menengah di sini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Limbang, semalam atas 18 pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap tujuh pelajar lelaki di sekolah terbabit.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, tertuduh, 30-an, yang masih bujang, mengaku tidak bersalah ketika semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Cindy Mc Juce Balitus.

“Suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Limbang hari ini dan didakwa atas 18 pertuduhan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-

kanak/Seksyen 16 Akta Yang sama,” katanya dalam kenyataan media semalam.

Kata Parum, mahkamah telah membenarkan jaminan terhadap tertuduh dengan jaminan tunai berjumlah RM126,000 berserta dua penjamin tempatan sementara kes ditangguhkan pada 23 September depan untuk pengurusan kes.

“Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebatan, dan penjara sehingga lima tahun dan tidak kurang daripada dua sebatan bagi setiap pertuduhan,” katanya.

Katanya lagi, pada 11 Ogos lepas tujuh laporan

polis dibuat mangsa terhadap tertuduh.

“Tertuduh telah ditangkap dan ditahan reman bagi membantu siasatan yang dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Limbang di bawah peruntukan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792],” tambahnya.

Parum menegaskan, kanak-kanak bukan sasaran untuk dieksploitasi atau dipergunakan secara seksual oleh mana-mana individu.

“Sebarang perlakuan yang menjurus kepada eksploitasi, pengantunan atau amang seksual terhadap kanak-kanak

akan diambil tindakan tegas mengikut undang-undang.

“Ibu bapa, penjaga, pihak sekolah dan masyarakat diseru agar supaya sentiasa peka terhadap keselamatan kanak-kanak serta segera menyalurkan maklumat kepada pihak polis sekiranya mengetahui atau mengesyaki berlakunya sebarang bentuk penderaan atau kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

“Masyarakat diingatkan untuk mengelakkan diri dan keluarga daripada terjebak dalam sebarang kegiatan jenayah dan melanggar mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa,” tegasnya lanjut.

DIDAKWA: Tertuduh diiringi anggota polis ke Mahkamah Sesyen Limbang untuk sebutan kesnya semalam. — Gambar IPD Limbang